

# Pelabur perlu bantu rakyat tempatan

BH 20 AUG 2001

Daripada Mustapha Omar

KAMPALA (Uganda), Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli perniagaan Malaysia yang menceburi pelbagai bidang di Uganda supaya turut membantu meningkatkan pendapatan dan perniagaan rakyat tempatan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu selaras dengan dasar 'memakmurkan jiran' yang diamalkan Malaysia dan kini turut diterima oleh beberapa negara di selatan serta timur Afrika sebagai satu bentuk perkongsian pintar.

"Ahli perniagaan kita perlu ingat bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk memakmurkan negara ini. Kita tidak mahu lihat peniaga kita import barang dari Malaysia dan jual di sini, manakala semua keuntungannya dibawa pulang ke Malaysia.

"Sebaliknya, kita perlu

## Peniaga Malaysia yang mengaut keuntungan daripada pelaburan mereka di Uganda dinasihatkan supaya membantu memperbaiki taraf hidup rakyat tempatan

Limited (MBC), syarikat usahasama antara Masscorp Trading Sdn Bhd (MTSB) dengan ahli perniagaan rakyat Malaysia, Sekaran Vellasamy, yang menetap di sini sejak 15 tahun lalu.

MTSB adalah syarikat milik penuh Masscorp Berhad, konsortium mewakili 85 tokoh korporat Malaysia dalam pelbagai bidang, yang ditubuhkan bagi membantu memperkenalkan dan memasarkan barangan buatan Malaysia di luar negara.

Perdana Menteri berada di sini bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan

thir berkata peniaga Malaysia juga perlu belajar bagaimana untuk bersaing dengan peniaga dari negara lain, termasuk China bagi memastikan barangan keluaran mereka dapat diterima di luar negara.

"Kita perlu hasilkan barangan bermutu tinggi dengan kemas dan promosi yang baik. Ketika di Yamen baru-baru ini, saya dapati barangan Malaysia banyak dijual di sana tetapi oleh pihak ketiga dan melalui negara lain. Inilah yang sering berlaku dan kita perlu belajar bagaimana untuk memasarkan barangan kita.

cari jalan dan cara sesuai untuk memakmurkan penduduk negara ini seperti kemakmuran yang kita nikmati hasil pelaburan dari Jepun, Korea, Taiwan, Eropah dan Amerika di Malaysia.

"Mereka wujudkan peluang pekerjaan sehingga kita menjadi kaya dan mampu membeli barangan import. Jadi negara yang melabur di Malaysia bukan saja mengaut keuntungan dari pelaburan mereka, malah mewujudkan pasaran yang baik bagi barangan mereka," katanya ketika merasmikan Pusat Perniagaan Malaysia, di sini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dan Pengarah Negara bagi Afrika Malaysian South-South Corporation Berhad (Masscorp Berhad), Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

Pusat perniagaan itu dikendalikan oleh Malaysian Business Centre (Uganda)

Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) selama empat hari bermula semalam. Beliau dijangka menyampaikan ucapan pada majlis makan malam dialog berkenaan esok.

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan Malaysia perlu cuba melabur dan mewujudkan peluang pekerjaan serta kemahiran kepada rakyat Uganda supaya mereka juga menjadi makmur, sekaligus membuka pasaran lebih luas kepada barangan Malaysia.

"Dengan pengalaman di Malaysia, kita boleh gunakan strategi yang sama untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk Uganda melalui peluang pekerjaan yang boleh kita tawarkan kepada mereka.

"Apa yang penting, kita perlu fikirkan formula 'menang-menang' yang mana bukan saja kita mendapat keuntungan, malah mereka juga boleh memperoleh pendapatan daripada peluang yang kita tawarkan," katanya.

Bercakap kepada peme-

"Semua ini berlaku kerana orang kita malas, biarkan orang lain berniaga dan mereka hanya keluaran barang saja. Ke mana barang itu pergi mereka tidak ambil tahu.

"Sekarang kita sudah wujudkan banyak pusat. Sebagai contoh di Bahrain, kita akan tubuhkan pusat untuk mengedar barangan buatan Malaysia di sana. Saya percaya kita boleh mengenal pasti pengimport dan agen yang akan memasarkan barangan kita," katanya.

Sementara itu, Mustapha Kamal dalam ucapannya berkata, selain di Afrika, Masscorp Berhad juga aktif membantu ahlinya mewujudkan rangkaian perniagaan dan usaha sama di beberapa negara Amerika Latin dan Indochina.

"Penubuhan Pusat Perniagaan Malaysia di sini diharapkan dapat membantu syarikat Malaysia memperkenalkan dan memasarkan barangan keluaran mereka di Uganda dan negara jirannya yang mempunyai penduduk kira-kira 125 juta," katanya.